

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI  
HABIBOLLAH  
[LIMBANG]

TARIKH : 16 JULAI 2019

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatkah Kementerian menyediakan kemudahan untuk melaksanakan imbasan “vehicle entry permit” kenderaan-kenderaan di sempadan Malaysia-Brunei secara percuma untuk mempercepatkan dan memudahkan “clearance” kenderaan-kenderaan di sempadan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Seperti sedia maklum, pihak Kementerian Pengangkutan telah membangunkan Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di Sempadan Malaysia-Singapura. Sistem ini telah siap dibangunkan pada 22 Mac 2019 yang lepas dan penguatkuasaan kepada kenderaan keluar masuk di Sempadan Malaysia- Singapura akan bermula pada 1 Oktober 2019.
2. Tujuan utama sistem ini adalah untuk merekodkan kenderaan pendaftaran asing yang keluar masuk sempadan negara bagi tujuan penguatkuasaan seperti pencegahan kenderaan klon di Malaysia, penguatkuasaan dari segi tunggakan bayaran saman serta kesalahan-kesalahan lain. Sistem yang telah dibangunkan di Sempadan Malaysia- Singapura menggunakan teknologi RFID di mana pengesanan kenderaan dan pembayaran tol akan dapat dikesan melalui RFID Tag yang telah dipasang kepada kenderaan. Sistem yang sama atau lebih baik juga berkemungkinan akan digunakan di sempadan-sempadan lain bagi membantu mengurangkan kesesakan kenderaan di sempadan.
3. Berdasarkan perancangan awal, penguatkuasaan sistem yang sama akan turut diperluaskan di semua pintu sempadan Malaysia yang merangkumi sempadan Malaysia-Thailand, Malaysia-Indonesia dan Malaysia- Brunei. Pelbagai faktor perlu diambil kira seperti kemampuan kewangan Kerajaan, jumlah harian kenderaan yang keluar masuk melalui pintu-pintu sempadan ini dan isu kesesakan yang bakal berlaku susulan penguatkuasaan sistem ini. Isu-isu ini adalah merupakan isu yang perlu ditangani secara bersama oleh pelbagai agensi kerana ia juga melibatkan pemprosesan passport, pemeriksaan kastam dan lain-lain pemeriksaan.

4. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat supaya sistem yang sama disediakan secara percuma untuk kenderaan-kenderaan di sempadan Malaysia-Brunei perlu diteliti secara terperinci oleh Kementerian Pengangkutan mengambil kira akan jumlah perbelanjaan pembangunan yang bakal dilaburkan serta pulangan atau kemudahan yang bakal dinikmati supaya ianya setanding dengan pelaburan besar tersebut. Perkara ini akan diteliti bukan sahaja untuk di sempadan Malaysia – Brunei, malahan yang melibatkan pelaksanaan di semua pintu masuk sempadan darat Malaysia yang lain.

Sekian terima kasih.